



SPNB
PERUMAHAN UNTUK SEMUA

Kuala Lumpur: Sebagai pemaju perumahan yang dimiliki Kerajaan, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) adalah syarikat milik Kementerian Kewangan Diperbadankan (MOF Inc.)

bertanggungjawab menyediakan kediaman yang mampu dimiliki dan selesa untuk semua golongan masyarakat yang memerlukan.

Amanah ini digalas SPNB sejak dari hari pertama ia ditubuhkan pada 21 Ogos 1997 dengan objektif utama menyediakan rumah mampu milik berkualiti dan mampan kepada setiap keluarga di Malaysia sejajar dengan objektif Dasar Perumahan Negara.

SPNB kini diletakkan bawah kawal selia Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bermula 3 Ogos 2018.

Selepas 22 tahun ditubuhkan, SPNB melalui dua Program Rumah Mampu Milik (RMM) dan Rumah Mesra Rakyat

SPNB komited sedia rumah mampu milik

(RMR) berjaya menyiapkan 105,750 unit rumah pelbagai kategori di seluruh Negara. Daripada jumlah tersebut sebanyak 28,162 unit adalah Program RMM.

Manakala 46,584 unit adalah Program RMR. Selebihnya, sebanyak 31,004 adalah terdiri daripada projek terdahulu iaitu Projek Khas & Pemulihan Projek serta Rumah Angkatan Tentera dan Kakitangan Awam.

Dalam usaha memantapkan pencapaian syarikat, SPNB yang kini diterajui oleh Datuk Hasbullah Osman selaku Pengerusi SPNB baharu menyusun beberapa strategi seperti

memperkemaskan tadbir urus syarikat, menjalin kerjasama dengan sektor kerajaan dan swasta serta menetapkan matlamat untuk terus maju dan berdaya saing dalam arena perumahan bagi memastikan golongan yang memerlukan rumah memiliki rumah.

Selepas mencatat banyak pencapaian, SPNB menetapkan matlamat

untuk terus maju mencapai tanda aras yang berikutnya. Menjelang akhir tahun ini, SPNB merancang membina 1,989 unit RMM di seluruh Negara. Manakala sebanyak 1,471 unit RMM bakal dibina pada tahun hadapan.

SPNB juga menasarkankan penjualan sebanyak 1,899 unit RMM dengan harga bermula RM35,000 yang mampu dimiliki oleh semua golongan.

Bagi yang masih terdapat-cari kediaman mahupun rumah pertama atau sebagai pelaburan, SPNB menawarkan beberapa projek RMM yang dibuka untuk jualan melalui projek Metro Maya, Batu Gajah, Perak; Taman Kelubi Idaman, Jasin, Melaka; Taman Sutera Wangi, Ayer Keroh, Melaka; Idaman Lake View Karak dan Kuantan, Pahang.

Pada tahun ini juga, melalui program RMR, Kerajaan memperuntukkan sebanyak RM243 juta bagi membina 2,983 unit yang merangkumi subsidi Kerajaan RM20,000 seunit, pinjaman kepada pemohon dan yuran pengurusan.

Program RMR ini bakal menonjolkan wajah baharu dengan reka bentuk yang lebih kontemporari pada harga bermula dari

RM75,000 seunit dan ia adalah program yang sangat popular di mana permohonan melebihi penawaran.

Walau bagaimanapun, senarai menunggu adalah diutamakan.

Memandangkan permintaan yang tinggi, SPNB mengharapkan supaya lebih banyak peruntukan dapat disalurkan dalam bajet 2021.

Selain itu, SPNB juga akan mengadakan Majlis Ramah Mesra YB Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Bersama SPNB dan Peserta Program Rumah Mesra Rakyat pada 20 Jun 2020 (Sabtu) di Dewan Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah, Maran.

Majlis akan dirasmikan oleh Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan merangkap Ahli Parlimen Maran, Datuk Seri Dr Ismail Abd. Muttalib.

Dalam majlis itu, 12 kontraktor bakal menerima sijil penghargaan kerana berjaya menyiapkan Rumah Mesra Rakyat, 19 pemilik Rumah Mesra

Rakyat bakal menerima sumbangan korporat SPNB dan 19 pemohon akan menerima surat makluman kelulusan RMR 2020.

Terakhir SPNB akan melancarkan Kempen Pemilikan Rumah (HOC) SPNB bermula 22 Jun sehingga akhir tahun ini. Layari www.spnb.com.my untuk projek yang ditawarkan.

